


93-3784

AMALAN POLITIK MALAYSIA

Esei Pilihan

editor

HAIRANY NAFFIS



Penerbit

Jabatan Sains Politik

Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi

Selangor Darul Ehsan.

ISBN 983-99675-3-3

Cetakan Pertama Oktober 1993

Hakcipta Jabatan Sains Politik
Universiti Kebangsaan Malaysia
1993

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpan kekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara samada cara elektronik, sawatan, salinfoto, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Ketua Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Semua artikel yang terkandung dalam buku ini mencerminkan pandangan dan pendapat peribadi penulis artikel tersebut dan tidak mewakili pandangan dan pendapat Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dari editor untuk semua pihak yang telah banyak menyumbang kepada proses melahirkan buku ini terutamanya Puan Faizah, Puan Fadzilah, Puan Salmah, Saudara Rahim, Saudara Safai dan Saudara Razak.

M
3209505
APB
684326
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1 2 DEC 1993



Dicetak oleh
Pusat Teknologi Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

K A N D U N G A N

	<i>Halaman</i>
Praktik politik di Malaysia: Pengenalan editorial <i>Harun Naffis</i>	1
Parti-parti politik di Malaysia: Satu tinjauan mengenai asas perjuangan dan penerimaan masyarakat <i>Wan Abdul Rahman Latif</i>	1
Beberapa andaian dan implikasi dari peristiwa pengharaman UMNO 24 April 1987 <i>Ahmad Atory Hussain</i>	22
Politik kumpulan pendesak Islam dalam pembentukan dan perlaksanaan dasar-dasar di Malaysia: 1970-1985 <i>Harun Naffis</i>	56
Anwar Ibrahim: Dari politik belia ke kancah politik UMNO <i>Hussain Mohamed</i>	84
Personaliti dan kepemimpinan politik: Tengku Razaleigh Hamzah dalam persepsi UMNO dan PAS Kelantan menjelang Pilihanraya 1986 <i>Mohd Ali Kamrudin & Hanapi Dollah</i>	104
Faktor kesedaran agama dan semangat kenegerian dalam Pilihanraya Umum 1990 di Kelantan <i>Ghazali Mayudin</i>	150
Selepas Pilihanraya Umum 1990: Pengalaman Kelantan <i>Mohammad Agus Yusoff</i>	177
Sentimen perkauman Dayak dalam Pilihanraya DUN Sarawak 1983-1991 <i>Nedson Iban Mersat</i>	207
Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah 1990: Pengukuhan sentimen kenegerian dan perkauman <i>Ghazali Mayudin</i>	251

Praktik Politik Di Malaysia: Pengenalan Editorial

Hairany Naffis

Pertumbuhan, perkembangan dan proses menuju kematangan politik lazimnya boleh dijangkakan dengan melihat sistem politik yang diamalkan serta elemen-elemen yang terhasil daripadanya seperti institusi-institusi sokongan, ruang gerak yang ditetapkan serta didikan sosio-ekonomi dan politik yang diberikan kepada pendokong-pendokong sistem itu. Dengan kata lain, sistem politik yang dianuti oleh sesuatu negara berserta elemen-elemennya, sering dikonsepsualisasikan sebagai penentu tingkahlaku dan pembentuk proses politik negara tersebut. Di samping itu, harus juga difahami bahawa sistem politik itu sendiri ditentukan hayatnya oleh perubahan-perubahan dan perkembangan persekitarannya yang memang secara alamiahnya sentiasa bersifat dinamis. Sejarah sistem-sistem politik di dunia memperlihatkan bahawa sistem yang tidak mampu berubah seiring dengan hakikat kedinamisan persekitaran ini lebih mudah menemui kelancuran berbanding dengan sistem yang agak adaptif sifatnya. Sehubungan dengan itu, diperhatikan bahawa Malaysia sebagai sebuah entiti politik, walaupun masih muda namun telah mempamerkan suatu corak kedinamisan sistem politik untuk membentuk idiosinkrasinya yang tersendiri.

Hakikat ini, antara lain, merupakan hasil daripada pembinaan institusi-institusi sokongan yang luwes, sistem pendidikan dan pengalaman sosio-ekonomi dan politik yang komprehensif serta wujudnya elit serta panggung politik yang progresif. Benih-benih sistem politik yang pada awal diperkenalkan penjajah kepadanya, telah diperkembangkan, disesuaikan sekaligus dimahiri malah diperbaiki justeru membentuk sistem politik Malaysia yang sentiasa reseptif dan reaktif kepada segala unsur-unsur dinamisme

persekelilingannya. Tidak dinafikan bahawa pencapaian Malaysia ini bukanlah melalui jalan yang sentiasa licin dan teratur. Unsur-unsur yang mendirikan panggung politik Malaysia kerap kali juga bergolak mencari pra-rumus baru atau terus cuba memperkukuhkan pra-rumus yang lama. Sesungguhnya, Malaysia adalah antara sebilangan negara-negara baru muncul yang telah memilih model demokrasi dan selingga kini masih kekal dengan pemerintahan cara itu yakni sistem *Demokrasi Berparlimen* dengan *Raja Berperlembagaan*. Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan mencatatkan bahawa Parlimen Malaysia terdiri daripada tiga unsur penting iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Setakad ini, telah wujud beberapa krisis yang melibatkan ketiga-tiga unsur itu seperti *Peristiwa Mei 1969* yang membawa kepada penggantungan Majlis Parlimen dan aktiviti politik buat seketika serta krisis yang melibatkan kuasa Raja Berperlembagaan seperti *Krisis Pindaan Perlembagaan 1983* dan 1993. Namun kelihatannya, krisis-krisis itu kurang mampu memberikan kesan segera ke atas kestabilan sistem politik di negara ini. Unsur-unsur itu terus hidup dan berkembang membentuk sistem politik yang agak mantap serta mampu menjanakan dinamo kepada bidang-bidang lain pula terutamanya sektor ekonomi.

Selain itu, parti-parti politik, kumpulan-kumpulan pendesak dan kepimpinan politik merupakan tiga elemen utama sistem politik negara ini yang banyak meninggalkan kesan kepada perkembangan politik tanah air. Sentimen terhadap negara, negeri, agama, bangsa dan ideologi terus menjadi pra-rumus aktiviti politik di Malaysia. Namun, tidak seperti di negara-negara lain, praktik politik di Malaysia telah mempamerkan suatu keupayaan menangani pra-rumus tersebut ke arah yang lebih positif. Sesungguhnya kejayaan sistem politik Malaysia haruslah diukur berdasarkan kemampuannya menghasilkan ruang gerak serta khalayak politik yang adaptif dan progresif ini dan bukan hanya melihat kejayaan melalui pengiraan keuntungan material semata-mata seperti yang dicapai dalam bidang ekonomi. Hal ini penting